

U B775 DEB
MAHATHIR - SIKAP

MELAKA, 22 NOV (BERNAMA) -- SIKAP DAN DAYA PEMIKIRAN PENDUDUK YANG MENENTUKAN MAJU MUNDURNYA SESEBUAH NEGARA BUKAN SUMBER ALAMNYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KATANYA, ADA SESETENGAH NEGARA YANG MEMPUNYAI SUMBER ALAM LEBIH BANYAK DARIPADA NEGARA YANG MAJU TETAPI IA TIDAK MENJADI NEGARA YANG MAJU.

+OLEH KERANA ITU, KITA MEMBUAT KEPUTUSAN BAHAWA SUMBER ALAM TIDAK MENENTUKAN MAJU MUNDUR SESEBUAH NEGARA TETAPI SIKAP DAN DAYA PEMIKIRAN PENDUDUK NEGARA ITU YANG MENENTUKANNYA+, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA JAMUAN MALAM SEMPENA LAWATAN BELIAU KE NEGERI INI DI DEWAN HANG TUAH DI SINI MALAM TADI.

PERDANA MENTERI BERKATA KALAU SIKAP PARA PENDUDUK DIASASKAN KEPADA NILAI-NILAI YANG MULIA SEPERTI AMANAH, RAJIN BEKERJA, BERDISIPLIN, SANGGUP MENGHADAPI CABARAN DAN TIDAK LOKEK, NEGARA AKAN BERJAYA DAN MENJADI MAJU.

+KALAU NILAI-NILAI YANG MULIA INI ADA PADA KITA, KITA BOLEH YAKIN KITA BOLEH BERJAYA. KITA BOLEH MEMBUAT APA YANG SEDANG DIBUAT OLEH ORANG LAIN+, TEGASNYA. -- LAGI

1045MST 22 11 86

D379

U B776 DEB
MAHATHIR - SIKAP 2 MELAKA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT MALAYSIA JUGA SAMA SEPERTI RAKYAT NEGARA LAIN -- MEMPUNYAI KEBOLEHAN UNTUK MEMPELAJARI PELBAGAI ILMU DAN MENGGUNAKANNYA.

+KALAU KITA MEMBUAT ANALISIS DAN KITA DAPATI BAHAWA SEBENARNYA NILAI-NILAI DAN SIKAP INI YANG MENENTUKAN JAYA ATAU TIDAKNYA SESUATU BANGSA, SEBAGAI MANUSIA YANG BOLEH BERFIKIR KITA HENDAKLAH KAJI SEMULA TENTANG PENDIRIAN KITA+, TAMBAHNYA.

MENURUTNYA, SUNGGUHPUN PERASAAN EMOSI ITU PERLU TETAPI LEBIH PERLU LAGI IALAH AKAL FIKIRAN DAN MENGGUNAKANNYA UNTUK MEMBENTUK STRATEGI YANG BOLEH MENJAMIN KEJAYAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TUJUAN LAWATAN BELIAU KE SELURUH NEGARA IALAH UNTUK MENYARANKAN PEMIKIRAN SEUMPAMA ITU DI KALANGAN RAKYAT.

+PEMIKIRAN SEMACAM INI AKAN MEMBOLEHKAN KITA MENJADI SATU BANGSA YANG KUAT KERANA KITA SANGGUP MENGHADAPI SEGALA CABARAN, MENGENEPIKAN EMOSI YANG MEMECAH-BELAHKAN KITA DAN MENGUTAMAKAN SEGALA KEGIATAN YANG BOLEH MEMBANGUNKAN NEGARA KITA+, TEGASNYA. -- LAGI

1047MST 22 11 86

D380

U B777 DEB
MAHATHIR - SIKAP 3 MELAKA

JIKA RAKYAT MEMILIH TIDAK MAHU MENGAMALKAN NILAI-NILAI YANG MULIA ITU, MEREKA AKAN MENJADI BANGSA YANG MUNDUR SERTA TERTINDAS DAN BERGANTUNG KEPADA KEKUATAN ORANG LAIN UNTUK HIDUP, KATANYA.

+TIDAK ADA BANGSA DI DUNIA INI YANG SUKA DIHINA-HINA OLEH PIHAK LAIN. KITA SEMUA MEMPUNYAI MARUAH+, KATANYA.

MENURUT BELIAU, DENGAN HANYA BERKATA +KAMI BUKAN ORANG YANG HINA+ TIDAK AKAN MENJAMINKAN APA YANG DIPERKATAKAN ITU AKAN DIHORMATI OLEH ORANG LAIN.

+KALAU KITA MASIH MENJADI SATU BANGSA YANG TIDAK DAPAT MENGATASI MASALAH YANG KITA HADAPI BERHUBUNG DIRI KITA, MEMBUAT BARANGAN YANG DIBUAT OLEH NEGARA-NEGARA YANG MAJU, MAKA SAYA PERCAYA KITA TIDAK AKAN DAPAT MELEPASKAN DIRI DARIPADA ANGGAPAN BAHAWA BANGSA KITA ADALAH BANGSA YANG RENDAH+, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEPUTUSAN SAMA ADA MAHU MENJADI RAKYAT NEGARA YANG MAJU TERLETAK DI TANGAN RAKYAT ITU SENDIRI. -- BERNAMA

1048MST 22 11 86